

## Norazlina Abd Jalil

**From:** Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>  
**Sent:** Wednesday, 13 May, 2020 12:53 PM  
**To:** norazlinaabdjalil@gmail.com  
**Subject:** FW: Terima Kasih UUM..Kami Dapat Pulang Ke Kampung Halaman

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 27 April 2020 15:19  
**To:** UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>  
**Subject:** Terima Kasih UUM..Kami Dapat Pulang Ke Kampung Halaman



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

27 APRIL 2020 / 4 RAMADAN 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)  
Gambar oleh: INASIS Bank Rakyat

### TERIMA KASIH UUM..KAMI DAPAT PULANG KE KAMPUNG HALAMAN



**UUM ONLINE:** Kegembiraan jelas terpancar di wajah pelajar dari Inapan Siswa (INASIS) Bank Rakyat setelah lebih 40 hari menjalani arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di dalam kampus, akhirnya mereka dibenarkan pulang ke kampung halaman masing-masing.

Pelajar, Ng Shang Bao berkata, dia berterima kasih kepada kerajaan kerana membenarkan pelajar universiti pulang ke rumah masing-masing.

Menurutnya, detik ini yang dinantikan semua pelajar di IPTA dan IPTS sejak pelaksanaan PKP diumumkan pada 18 Mac lalu hingga menyebabkan mereka perlu berada di dalam kampus dan tidak dibenarkan pulang.

"Pematuhan penjarakan sosial juga akan dititikberatkan semasa pergerakan penghantaran pulang pelajar bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

"Saya berharap semua pelajar UUM dapat memberikan kerjasama sepanjang tempoh penghantaran ini dengan mematuhi arahan yang ditetapkan agar proses ini dapat berjalan lancar," katanya yang berasal dari Gombak.

Sementara itu, pelajar, Sumittra A/P Paramalingam berkata, dia juga tidak sabar untuk pulang ke rumahnya di Rawang setelah lebih sebulan berada di dalam kampus.

Menurutnya, apabila mendapat kebenaran untuk pulang, sudah pasti mereka akan mengikut arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan setelah tiba di rumah.

Katanya, mereka berterima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat terutamanya UUM yang bertungkus-lumus dalam memutuskan rantaian Covid-19, malah menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar yang masih berada di kampus sepanjang tempoh PKP ini.

Berkongsi kegembiraan yang sama, Muhammad Fikri Burhan berkata, pelajar di sini menarik nafas lega dan rasa syukur kerana kerinduan terhadap keluarga tercinta di kampung halaman akhirnya terubat dengan pengumuman tersebut.

"Sehingga sekarang saya tidak sabar menanti saat-saat berbuka puasa dan bersahur bersama keluarga yang menanti kepulangan saya di Bidor, Perak. Berkat doa di bulan Ramadan, akhirnya doa kami untuk balik ke rumah termakbul.

"Kami semua berjanji akan mengikut semua peraturan dan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan UUM dalam menguruskan perjalanan kami pulang ke kampung halaman masing-masing," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.